

26 JUL 1997

Asean-Baht

KRISIS BAHT SEMAKIN PULIH, KATA MENTERI LUAR THAI

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Thai, Prachuab Chaiyasan, hari ini berkata Bhat Thai semakin pulih selepas matawang itu merosot awal bulan ini berikutan serangan spekulasi wang.

"Ia kembali pulih sekarang kerana adanya kerjasama dan penyelarasan antara (negara-negara) Asean," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Prachuab menyalahkan apa yang dipanggilnya sebagai "virus kewangan" sebagai penyebab krisis itu.

Semalam, menteri-menteri luar Asean bersetuju bahawa pertubuhan serantau itu perlu memperhebatkan kerjasama mereka untuk melindungi dan menggalakkan matawang mereka.

Dalam satu pernyataan bersama pada akhir Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke-30 di sini, mereka menyatakan kebimbangan serius terhadap apa yang mereka sifatkan sebagai usaha-usaha terancang untuk menggugat matawang Asean bagi tujuan kepentingan sendiri, yang mengancam kestabilan ekonomi negara-negara Asean.

Selain Baht Thai, Peso Filipina, Rupiah Indonesia dan Ringgit Malaysia turut mengalami tekanan serangan spekulatif matawang.

Terdahulu hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan hartawan kewangan Amerika Syarikat George Soros sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap serangan ke atas ringgit dan matawang lain di rantau ini.

Prachuab berkata negara-negara anggota Asean telah melaksanakan penyelarasan yang baik sebelum menteri-menteri luar berkenaan mengeluarkan kenyataan mereka mengenai matawang semalam.

"Kenyataan dalam pernyataan bersama itu adalah untuk menunjukkan bahawa kami sudahpun melakukannya. (Ia adalah untuk menunjukkan bahawa) kami mahu meningkatkan lagi kerjasama kami pada masa hadapan.

"Ini adalah satu tanda politik (yang kami berikan)," kata beliau.

Menteri Luar Thai itu berkata kenyataan Asean adalah lebih sebagai "sokongan psikologi dan moral" bagi membantu menstabilkan matawang Asean.

Prachuab berkata beliau membantah deraf pernyataan bersama itu semasa ia dikemukakan kepada menteri-menteri luar Asean kerana "tiada langsung" mengenai manipulasi matawang itu.

"Saya mahu ia (kenyataan mengenai matawang itu) dinyatakan dalam pernyataan bersama itu kerana ia (krisis itu) berlaku di Thailand. Saya mencadangkannya dan menteri-menteri luar yang lain bersetuju," katanya.

Prachuab berkata beliau menyokong kenyataan Dr Mahathir semasa perasmian mesyuarat AMM itu di sini semalam, yang menggesa Asean supaya meningkatkan kerjasama dan menimbang pendekatan-pendekatan baru untuk mengatur serangan balas terhadap pengacau-pengacau yang mahu memusnahkan ekonomi negara-negara Asean. -- BERNAMA

ES NAK